



SIRI SEJARAH ISLAM



KHALIFAH ‘

ALI

رضي الله عنه

FIQH SIASAH KHULAFAT AL-RASYIDIN #4

EROPAH

EMPIRE ROM  
BYZANTINE



TUAN GURU HAJI ABDUL HADI AWANG

AFRIKA



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan menerbitkan mana-mana bahagian isi kandungan daripada buku ini termasuk dalam apa-apa jua bentuk dan cara sekalipun tanpa mendapat keizinan daripada PUSTAKA PERMATA UMMAH SDN BHD

.....

© **FIQH SIASAH KHULAFAH'  
AL-RASYIDIN:**

**KHALIFAH 'ALI RA**

**Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang**

Cetakan Pertama, April 2022

Cetakan Kedua, Jun 2022

© Hak cipta terpelihara @ Pustaka  
Permata Ummah Sdn. Bhd.

ISBN 978-967-27390-6-7

*Muka Taip Teks: Century Gothic  
Saiz Muka Taip: 11*

**Diterbitkan dan diedarkan oleh:**  
Pustaka Permata Ummah Sdn. Bhd.  
No. 9108, Jalan Kerdas 1,  
53100 Gombak, Kuala Lumpur  
011-20907008  
pustakapermataummah@gmail.com

**Dicetak oleh:**  
Firdaus Press Sdn. Bhd.  
26-28, Jalan PBS 14/4,  
Taman Perindustrian Bukit Serdang,  
43300 Seri Kembangan, Selangor  
03-8940 5595



## **SIDANG EDITORIAL**

### **PENAUNG**

Ustaz Muhammad Khalil Abdul Haq

Tuan Syahir Sulaiman

Tuan Mohd Adram Musa

### **PENGARAH URUSAN**

Abdul Malik Ab Razak

### **PENGURUS**

Muhammad Afiq Awang Bakar

### **KETUA EDITOR**

Muhammad Ikram Ab Rahman

### **JABATAN EDITOR**

Maziah Hasan

Ahmad Muhaimin

### **JABATAN ARKIB & PENYELIDIKAN**

Tasneem Zainol

### **JABATAN PEMASARAN KREATIF**

Nurul Afiqah Yusri

### **JABATAN JUALAN & HUBUNGAN PELANGGAN**

Muhammad Ikhwan Nasyriq Salahudin

### **JABATAN PERHUBUNGAN AWAM**

Nur Hafizah Ibrahim

### **JABATAN PENTADBIRAN**

Siti Nurul Afiqah Sazali

### **ILUSTRATOR**

Abdul Latif A. Aziz

Aqilah Farhana Mohd Azahari





SIRI SEJARAH ISLAM



KHALIFAH

# 'ALI

رضي الله عنه

FIQH SIASAH KHULAFAH' AL-RASYIDIN #4

PROPAH

PUSTAKA PERDANA

1013312



TUAN GURU HAJI ABDUL HADI AWANG



# ISI KANDUNGAN

<b>KATA PENERBIT</b>	<b>X</b>
<b>MUOADDIMAH</b>	<b>I</b>
<b>KRONOLOGI</b>	<b>7</b>
<b>BAHAGIAN 1: PERJALANAN HIDUP SAIDINA 'ALI RA SEBELUM HIJRAH</b>	<b>14</b>
Pengenalan Diri	15
Kelebihan Keluarga	20
Kisah 'Ali Ra Memeluk Islam	26
Penglibatan Dalam Dakwah	29
Mendirikan Solat Bersama Rasulullah Saw	31
Menghadapi Cabaran Kerana Keimanan	36
<b>BAHAGIAN 2: PERJALANAN HIDUP SAIDINA 'ALI RA SEMASA DAN SELEPAS HIJRAH</b>	<b>44</b>
'Ali Ra Berhijrah Ke Madinah	45
Kehidupan 'Ali Ra Pada Marhalah Madaniyyah	52
Ketinggian Ilmu Dan Hikmah 'Ali Ra	59
Perkahwinan 'Ali Ra Dan Fatimah Ra	64
<b>BAHAGIAN 3: PENYERTAAN OPERASI KETENTERAAN SAIDINA 'ALI RA BERSAMA RASULULLAH SAW</b>	<b>71</b>
Menyertai Peperangan	72
Operasi 'Usyairah	73
Peperangan Badar Al-Kubra	77

PEPERANGAN UHUD	81
OPERASI HAMRA` AL-ASAD	89
PEPERANGAN AHZAB	91
PEPERANGAN BANI QURAIZAH	97
PEPERANGAN BANI MUSTALIQ DAN FITNAH AL-IFK	100
PERISTIWA AL-HUDAIBIYYAH	104
PEPERANGAN KHAIBAR	109
PERISTIWA FATHU MAKKAH	117
PEPERANGAN HUNAIN	127
SERANGAN KE ATAS WILAYAH TOI`	128

#### **BAHAGIAN 4: PERANAN SAIDINA 'ALI RA DALAM PENTADBIRAN RASULULLAH SAW**

**133**

PENTADBIRAN NEGARA	134
PENGHANTARAN KE YAMAN	139
PENGUMUMAN PENGISYTIHARAN SURAH BARA`AH DAN HAJI WADA'	146
KEWAFATAN RASULULLAH SAW	149

#### **BAHAGIAN 5: KEBERSAMAAN SAIDINA 'ALI RA DALAM PENTADBIRAN KHALIFAH ABU BAKAR RA**

**151**

'ALI RA DAN KHALIFAH ABU BAKAR RA	152
BIAIH TERHADAP KHALIFAH	153

<b>MENJADI MENTERI KHALIFAH</b>	<b>155</b>
<b>MENGHADAPI RIDDAH</b>	<b>157</b>
<b>MENGHADAPI ROM TIMUR</b>	<b>160</b>
<b>KEWAFATAN ABU BAKAR RA</b>	<b>162</b>
<b>'ALI RA DAN ABU BAKAR RA BERKELUARGA</b>	<b>167</b>
<b>BAHAGIAN 6: KEBERSAMAAN SAIDINA 'ALI RA DALAM PENTADBIRAN KHALIFAH 'UMAR RA</b>	<b>169</b>
<b>'ALI RA DAN KHALIFAH 'UMAR RA</b>	<b>170</b>
<b>'ALI RA MENGENDALIKAN URUSAN KEHAKIMAN</b>	<b>171</b>
<b>BERSAMA PENTADBIRAN 'UMAR RA</b>	<b>175</b>
<b>MENGHADAPI PARSIS DAN ROM</b>	<b>179</b>
<b>'ALI RA DAN 'UMAR RA BERKELUARGA</b>	<b>180</b>
<b>BAHAGIAN 7: KEBERSAMAAN SAIDINA 'ALI RA DALAM PENTADBIRAN KHALIFAH 'UTHMAN RA</b>	<b>183</b>
<b>'ALI RA DAN KHALIFAH 'UTHMAN RA</b>	<b>184</b>
<b>PEMBANTU DAN PEMBELA YANG SETIA</b>	<b>186</b>
<b>MEMPERTAHANKAN KHALIFAH 'UTHMAN RA</b>	<b>190</b>
<b>MENOLAK JAWATAN KHALIFAH</b>	<b>194</b>
<b>BAHAGIAN 8: PELANTIKAN SAIDINA 'ALI RA SEBAGAI KHALIFAH</b>	<b>197</b>
<b>DILANTIK MENJADI KHALIFAH</b>	<b>198</b>
<b>KHUTBAH PELANTIKAN KHALIFAH</b>	<b>201</b>

KONSEP SIASAH	206
KETOKOHAN YANG DIAKUI SEMUA	211
<b>BAHAGIAN 9: PERKEMBANGAN DALAM PEMERINTAHAN KHALIFAH 'ALI RA</b>	<b>216</b>
KONSEP PEMERINTAHAN	218
PENGURUSAN EKONOMI DAN KEWANGAN	229
KONSEP KEHAKIMAN	231
PENTADBIRAN WILAYAH-WILAYAH ISLAM	243
<b>BAHAGIAN 10: FITNAH AL-KUBRA</b>	<b>254</b>
MENGHADAPI FITNAH BESAR	255
'ALI RA SOSOK PALING LAYAK MENJADI KHALIFAH	258
PERPECAHAN UMAT	260
'ALI RA MENINGGALKAN MADINAH	266
'ALI RA MEMILIH KE IRAQ	270
<b>BAHAGIAN 11: PEPERANGAN AL-JAMAL</b>	<b>273</b>
PUNCA PEPERANGAN	274
PERANAN 'AISYAH RA, AL-ZUBAIR RA, DAN TALHAH RA	277
USAHA PENYELESAIAN KONFLIK	281
PERANAN 'ABDULLAH BIN SABA` DAN KALANGAN MUNAFIQ	288
USAHA 'ALI RA MENENANGKAN KEADAAN	291
LAYANAN TERHADAP UMMU AL-MU`MININ RA	298

<b>BAHAGIAN I2: PEPERANGAN AL-SIFFIN</b>	<b>304</b>
PUNCA PEPERANGAN	305
AL-HASAN RA MEMUJUK AYAHNYA	314
MENUJU KE SIFFIN	315
PERISTIWA TAHKIM	320
KESAN FITNAH KEDUA-DUA PERANG SAUDARA	329
<b>BAHAGIAN I3: KELAHIRAN KUMPULAN KHAWARIJ</b>	<b>334</b>
KEMUNCULAN KHAWARIJ	335
PERTEMPURAN NAHRAWAN	338
<b>BAHAGIAN I4: KEWAFATAN KHALIFAH RASYIDAH TERAKHIR</b>	<b>344</b>
MENGHADAPI HARI-HARI PENGAKHIRAN	345
KUMPULAN PEMBUNUH BERTINDAK	347
SELEPAS SYAHIDNYA KHALIFAH 'ALI RA	359
PERANAN AL-HASAN BIN 'ALI RA	361
<b>PENUTUP: KEMUNCULAN GERAKAN ISLAH DAN TAJDID</b>	<b>369</b>
<b>RUJUKAN</b>	<b>382</b>
<b>BIODATA PENULIS</b>	<b>400</b>

# KATA PENERBIT

**S**egala puji bagi Allah SWT, Tuhan yang menciptakan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW yang diutuskan menyampaikan rahmat kepada sekalian alam. Tidak terkecuali selawat dan salam ke atas ahli keluarga, para sahabat, dan mereka yang mengikuti petunjuk dan pedoman Baginda Nabi SAW. Semoga kita jua tergolong dalam kalangan mereka, Insyaa-Allah.

Rasulullah SAW melaksanakan peranan sebagai Nabi akhir zaman dengan menyempurnakan Islam yang adil untuk semua dan menyebarkan rahmat kepada seluruh buana. Selepas kewafatan Baginda SAW, tugas dan tanggungjawab itu diteruskan Khalifah Abu Bakar RA yang memimpin umat dengan istiqamah.

Kemudian, amanah memimpin umat dipikul oleh Amir al-Mu'minin 'Umar bin al-Khattab RA setelah kewafatan Khalifah Abu Bakar RA. Zaman tersebut menyaksikan dua buah kuasa besar dunia, Rom dan Parsi tumbang dan Islam mencapai kemenangan sebagai kuasa besar dunia.

Seterusnya, Khalifah 'Uthman bin 'Affan RA mengambil alih tugas memimpin pemerintahan Islam yang sangat luas wilayahnya dan majmuk masyarakatnya. Berlaku banyak perkara baharu dan perubahan kesan daripada perbezaan zaman dan realiti umat.

Namun begitu, Khalifah 'Uthman RA menghadapi masalah dalaman dan mendepani cabaran luaran yang dirancang oleh kalangan musuh Islam. Hal ini demikian

kerana, mereka mempunyai dendam dan dengki terhadap kejayaan Islam memimpin dengan adil dan menjadi penyelamat kepada masyarakat yang dizalimi.

Malangnya, Khalifah 'Uthman RA dibunuh secara kejam oleh para pemberontak. Pada saat yang kucar-kacir itulah, Khalifah 'Ali bin Abi Talib RA tampil memikul beban dan tanggungjawab kekhilafahan demi menyelamatkan negara Islam dan kesatuan umat.

Justeru, pihak Pustaka Permata Ummah bersyukur kerana dapat menerbitkan siri terakhir Fiqh Siasah Khulafa' al-Rasyidin karya Tan Sri Tuan Guru Haji Abdul Hadi ini. Kami berusaha menjadikan persembahan karya kali ini agar lebih tinggi nilainya dan memudahkan para pembaca mencerna untai hikmah daripada tokoh ulama' dan negarawan ini.

Insyallah, mudah-mudahan, ilmu dan hikmah yang disampaikan melalui karya ini menjadi panduan dalam meneruskan agenda islah dan tajdid terhadap umat Islam yang sedang menghadapi saat kelemahannya. Kita berdoa supaya umat Islam kembali kepada pengamalan Islam secara menyeluruh dan memperkukuh penyatuan ummah.

**Pustaka Permata Ummah**

# MUQADDIMAH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله وكفى، صلاة وسلاما على عباد الله الذين اصطفى، وعلى خاتمهم وأكرمهم النبي المجتبي وعلى آله وأصحابه ومن اهتدى. أما بعد.

**I**nilah sirah Amir al-Mu'minin, Imam 'Ali bin Abi Talib *karrama Allah wajhah (KW) wa radiya Allah 'anh (RA)* – dua ungkapan yang sering kali disebutkan kepadanya. Beliau memperoleh sanjungan tersebut kerana beliau memeluk Islam ketika zaman masih kanak-kanak dan bersama Rasulullah SAW sejak sebelum baligh lagi.

Hal ini bermakna, 'Ali RA tidak terpengaruh dengan syirik dan akhlak jahiliah yang buruk sejak kelahiran dalam keluarga 'Abd al-Muttalib yang mewarisi *millah* (agama) Ibrahim AS, sehinggalah bersama Rasulullah SAW, berkeluarga, dan bersahabat. Di samping itu, beliau mendapat kurnia Allah SWT dan fadilat *husn al-khatimah* (pengakhiran yang baik), iaitu memperoleh syahid yang mulia di alam akhirat serta janji syurga dengan nas yang nyata daripada firman Allah SWT (al-Quran) dan Hadis Rasulullah SAW.

Sirah (perjalanan hidup) 'Ali RA adalah paling mencabar sejak bermulanya dakwah Islam dalam keadaan dagang sehinggalah ketika kemuncak kemenangannya dan menjadi ketua negara yang besar. Tokoh terkemuka ini berjihad dengan ilmu (lisan dan tulisan serta beramal) dan pedang, sehingga titisan darah terakhir dengan gugur sebagai syahid saat menghadapi fitnah terbesar dalam sejarah Islam.

Walau bagaimanapun, nasib 'Ali RA adalah paling baik sejak awal kerana menerima Tarbiah Nabawiyyah (kenabian) pada zaman kanak-kanak lagi. Hal ini demikian kerana, beliau dibesarkan di Tanah Suci Makkah al-Mukarramah di bawah bumbung paling berkat di atas muka bumi, iaitu di rumah Rasulullah SAW bersama Ummu al-Mu'minin Khadijah RA, orang pertama yang beriman kepada Allah SWT dan Rasulullah SAW.

'Ali RA menyaksikan permulaan khabar menerima wahyu dari dalam rumah yang mulia itu dan terus mendampingi Rasulullah SAW sepanjang perjuangan sehingga kewafatan Baginda. Hal ini demikian kerana, beliau ialah anak Abu Talib, bapa saudara Rasulullah SAW yang diwasiatkan oleh ayahnya 'Abd al-Muttalib supaya menjaga Baginda setelah menjadi yatim piatu dengan kematian ayah dan ibu Rasulullah SAW, disusuli oleh datuk Baginda pula. Maka, 'Ali RA bersama Rasulullah SAW di rumah ayahnya.

Demikian juga, 'Ali bukan sekadar sepupu Rasulullah SAW, bahkan menjadi anak angkat yang dipeliharanya dan paling dimanjakan kerana Baginda tidak mempunyai anak lelaki yang hidup bersamanya. Seinggakan, Rasulullah SAW mengahwinkan 'Ali RA dengan puteri bongsu kesayangan Baginda, Fatimah al-Zahra' RA.

Daripada pernikahan tersebut, mereka dikurniakan dua orang cucu yang mewarisi zuriat Rasulullah SAW yang memberikan fadilat berpanjangan khusus selepas kewafatannya. Selain itu, beliau turut mendapat fadilat Nabi dan Rasul yang paling ramai umatnya, bersama dengan mukjizat ilmu daripada wahyu al-Quran yang kekal dipelihara Allah SWT beserta al-Hikmah daripada Sunnah Baginda yang dijaga secara riwayat dan dirayat. Maka, 'Ali RA menyaksikan secara langsung akan peribadi Rasulullah SAW yang menjadi *qudwah* (ikutan dan teladan) bagi seluruh alam.

'Ali bin Abi Talib RA menyertai semua peperangan di samping Rasulullah SAW, melainkan Peperangan Tabuk kerana diserahkan kepadanya urusan memimpin dan mentadbir negara di Madinah ketika Rasulullah SAW dan umat Islam berangkat ke medan Tabuk. Mereka ke sana bagi menghadapi kuasa besar Rom Timur pada zaman itu.

Selanjutnya, 'Ali RA dilantik menjadi Khalifah keempat pada kala memuncaknya fitnah paling mencabar yang mengorbankan Khalifah 'Umar bin al-Khattab dan Khalifah 'Uthman bin 'Affan RA sehingga syahid. Peristiwa fitnah itu mencetuskan perang saudara dalam kalangan generasi awal umat Islam yang menjadi mangsa pengkhianatan musuh Islam dari dalaman umat Islam sendiri, setelah dibelasah oleh musuh luar yang mengepung dari segenap penjuru sehingga keadaan menjadi sangat mengelirukan.

Hanya mereka yang bijaksana seperti 'Ali RA dapat menentukan sikap yang betul dalam menghadapi situasi yang banyak menimbulkan syubhah. Ramai yang tercengang bagi membuat keputusan; sama ada bersama Khalifah 'Ali RA yang dilantik secara sah menjadi ketua negara mengikut hukum Islam, tidak faham lalu mendiamkan diri, ataupun paling tidak menentu sehingga terjerumus menjadi korban yang terheret untuk berperang sesama sendiri.

Khalifah 'Ali RA bertindak bijak dengan menangguk dahulu desakan mereka yang menuntut supaya dilakukan hukuman qisas terhadap mereka yang telah membunuh Khalifah 'Uthman RA secara zalim. Tidak dinafikan, 'Uthman RA menjadi mangsa kezaliman sehingga menepati janji kesyahidannya yang telah dinyatakan oleh Rasulullah SAW.

Semua sahabat mempertahankan 'Uthman RA dan membelanya baik pada masa hidup mahupun matinya. Para sahabat juga percaya bahawa Khalifah 'Uthman bin 'Affan RA telah diberikan perjanjian dan jaminan yang

benar sebagai ahli syurga, selain telah menerima pingat martabat siddiq, syahid, dan orang yang soleh, serta menjadi mangsa yang sangat dizalimi namun dirahmati Allah SWT.

Adapun hukuman qisas terhadap pembunuhnya pula mestilah mengikut proses kehakiman Islam yang adil dengan bukti yang kukuh tanpa syubhah. Pihak yang berkuasa tidak boleh terburu-buru dan hendaklah terlebih dahulu memadamkan api peperangan fitnah yang sangat merumitkan. Jangan bertindak mencetuskan mudarat yang lebih besar kerana pengaruh fitnah yang sangat meluas dalam negara wajib dipadamkan dahulu dengan penuh bijaksana, supaya tidak ada orang yang menjadi mangsa kezaliman lagi disebabkan salah dalam perjalanan kehakimannya.

Khalifah 'Ali RA terpaksa berdepan dengan mereka yang tidak memahami dan berijtihad tanpa kebijaksanaan. Di samping itu, banyak perkara yang tersirat dan sukar diketahui dengan terperinci oleh kalangan pemimpin para sahabat RA sendiri yang duduk berjauhan antara satu sama lain, bersama maklumat yang terbatas dan perlu bertindak pantas. Demikian juga, ada pula yang gopoh tanpa berhikmah, namun ramai yang menyesal dan bertaubat.

Peranan yang diberikan oleh Rasulullah SAW pada masa hayat Baginda kepada 'Ali bin Ali Talib RA dalam semua lapangan, menunjukkan keperibadian 'Ali RA yang tinggi dan ilmunya yang mendalam. Beliau seorang tokoh yang serba boleh dalam lapangan ilmu, pentadbiran, dan kehakiman di medan masyarakat, serta panglima tentera yang paling handal dan berani di medan peperangan.

Beliau pernah diberikan tugas yang sama pada zaman tiga orang khalifah sebelumnya. Kadang-kadang, 'Ali RA menunjukkan kemampuan dan kebijaksanaannya yang luar biasa dan tidak mampu dilakukan oleh orang lain.

Usianya yang paling muda dalam kalangan Khulafa' al-Rasyidin meletakkan kewajarannya dilantik menjadi Khalifah yang keempat. Namun, beliau terpaksa menjadi korban pada zaman paling mencabar dalam keadaan sekelilingnya ialah orang yang tidak setaraf dengan zaman sebelumnya.

Paling sukar, apabila wujudnya kalangan yang melampau fanatiknya terhadap 'Ali RA dalam kalangan Syiah dan yang melampau menentangnya dalam kalangan Khawarij yang jahil agama. Kemudian, wujud juga yang melampau dalam kalangan yang mengaku Ahli Sunnah tetapi terpengaruh dengan kerajaan yang zalim pada zaman tersebut, sehingga menolak para mujtahid dalam kalangan Ahli al-Bait yang menjadi guru dan berguru kepada ulama' Ahli Sunnah.

Keadaan yang dikatakan lemahnya dalam beragama, serta berlaku kehanyutan fikrah dalam kalangan Ahli Sunnah dan Ahli al-Bait itu sendiri. Tambahan lagi, dalam suasana umat yang tidak mampu membebaskan diri daripada sebab duniawi yang menghantui pemikiran mereka.


Semua pihak bersetakat bahawa 'Ali RA ialah salah seorang daripada 10 orang sahabat yang dijanjikan syurga, menjadi salah seorang penulis wahyu, salah seorang dalam kalangan menteri Rasulullah SAW dan Khulafa' al-Rasyidin sebelumnya dan ulama' sahabat yang terbilang. Bahkan, juga seorang pahlawan yang menyertai semua peperangan bersama Rasulullah SAW melainkan Tabuk kerana dilantik menjadi ketua pentadbir di Madinah bagi menggantikan Rasulullah SAW.

Demikian juga, beliau pernah dihantar bertugas menjadi duta Baginda SAW ke wilayah, kemudian dipanggil semula ke Madinah, dan akhirnya negarawan yang dijanjikan syahid oleh Rasulullah SAW.

# KHALIFAH 'ALI

رضي الله عنه

FIQH SIAH KHULAFAT AL-RASYIDIN #4



Peranan yang diberikan oleh Rasulullah SAW pada masa hayat Baginda kepada 'Ali bin Abi Talib RA dalam semua lapangan, menunjukkan keperibadian 'Ali RA yang tinggi dan ilmunya yang mendalam. Beliau seorang tokoh yang serba boleh dalam lapangan ilmu, pentadbiran, dan kehakiman di medan masyarakat, serta panglima tentera yang paling handal dan berani di medan peperangan. Beliau pernah diberikan tugas yang sama pada zaman tiga orang khalifah sebelumnya.

TUAN GURU HAJI ABDUL HADI AWANG

## SINOPSIS

Buku ini merupakan edisi terakhir yang menyempurnakan penerbitan karya siri Fiqh Siasah Khulafat al-Rasyidin. Tulisan kali ini menceritakan riwayat hidup seorang sahabat agung dan khalifah Islam ulung iaitu Khalifah 'Ali bin Abi Talib RA yang mendapat tarbiah secara langsung daripada Rasulullah SAW dan memainkan peranan yang signifikan sepanjang pemerintahan Islam era tiga orang khalifah sebelumnya.

Khalifah 'Ali RA mengharungi suatu fasa pemerintahan yang sangat mencabar kerana mewarisi era kepemimpinan setelah kewafatan Khalifah 'Uthman RA yang terbunuh syahid. Dalam pada itu, beliau meneruskan langkah politik secara berhikmah bagi meneruskan kelangsungan Islam. Malah, beliau juga mendepani dengan penuh kebijaksanaan terhadap fitnah dalaman umat yang sangat dahsyat kesan daripada tipu daya musuh Islam yang telah meninggalkan luka dan parut kepada ummah hari ini.

SEM. MALAYSIA :RM 75  
SABAH SARAWAK :RM 77

ISBN 978-967-273-906-7



9 789672 739067

